



KBS.S.5-16/20 Jld 5 (43)
Jun 2010
Jamadir Akhir 1431

Semua Pengarah
Jabatan Belia Dan Sukan Negeri

Pengarah
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang

Semua Pengarah
Institut Kemahiran Belia Negara

Pengarah
Akademi Pembangunan Belia Port Dickson

Pengarah
Akademi Pembangunan Belia Batu Gajah, Perak

Tuan,

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN (SUBJEK JABATAN) UNTUK TUJUAN
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MALAYSIA SIRI 1 TAHUN 2010**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan Malaysia akan melaksanakan Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Kesatria Gred S27 dan Pembantu Kesatria Gred S17 Siri I Tahun 2010 pada **5 Ogos 2010 (Khamis)**.
3. Kerjasama tuan amatlah diharapkan untuk membuat hebahan mengenai perkara ini kepada semua pegawai dan kakitangan di Jabatan/Agensi/Bahagian tuan.
4. Berikut adalah syarat-syarat permohonan dan cara memohon menduduki peperiksaan berkenaan:

i. Pegawai yang layak memohon

Pegawai lantikan baru skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesatria Gred S27 dan Pembantu Kesatria Gred S17.



ii. **Sukatan Peperiksaan**

Sukatan peperiksaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia boleh dimuatturun dari laman web Kementerian <http://www.kbs.gov.my>

iii. **Cara memohon**

- a. Permohonan untuk menduduki peperiksaan ini hendaklah dibuat secara *manual* menggunakan borang yang dilampirkan.
- b. Pastikan maklumat yang dikemukakan adalah benar. Sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak benar, keputusan peperiksaan berkenaan akan terbatal.
- c. Pastikan maklumat pegawai, perkhidmatan dan permohonan peperiksaan diisi dengan lengkap dan betul sebelum menghantar borang permohonan.
- d. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan ke alamat berikut :

**PERMOHONAN PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN 2010
CAWANGAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
ARAS 5, MENARA KBS, NO.27 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570 PUTRAJAYA
(U.P. : PN. NORLIDA BINTI DATUK HAJI AHMAD SHAHIBUDDIN)**

iv. **Tarikh tutup permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 Jun 2010 (Rabu)**. Permohonan yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan akan **ditolak** dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.


5. **Slip arahan calon** yang mengandungi maklumat angka giliran, pusat peperiksaan, tarikh dan masa peperiksaan akan dikeluarkan kepada calon yang berkenaan **dua (2) minggu sebelum peperiksaan** dijalankan. Slip ini hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri peperiksaan tersebut. **Sebarang permohonan perubahan pusat peperiksaan tidak akan dilayan.**

6. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh menghubungi Urus Setia Peperiksaan di 03-8871 3547/3579/3538/3557.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ZOLKIFLIE BIN RASIP)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.